OBJEKTIF

- Memahami Budaya Kerja Pencapaian Diutamakan boleh diamalkan melalui prinsip PERDANA (Pantas dan Positif, Empati, Relevan, Daya Saing, Amanah, Adil dan Integriti).
- Memahami kepentingan mengamalkan "Budaya Kerja Pencapaian Diutamakan".
- Mempelajari kemahiran asas yang diperlukan untuk menjadi lebih produktif dan dinamik.
- Membentuk pemikiran yang positif.
- Meningkatkan nilai kerja cemerlang dan pengurusan sahsiah kendiri.

RASIONAL

Seminar ini diadakan untuk memberikan pendedahan kepada penjawat awam dan Sektor Swasta mengenai Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2009 yang bertujuan memberi panduan berhubung pelaksanaan "Budaya Kerja Pencapaian Diutamakan" dalam usaha merealisasikan aplikasi psikologi berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2005: Panduan Aplikasi Psikologi Dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam.

Budaya Kerja Pencapaian Diutamakan ini merupakan sebahagian daripada gagasan 1Malaysia yang dicetuskan oleh Y.A.B Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak, semasa beliau dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia pada 3 April 2009. Konsep ini merupakan kesinambungan daripada teras kedua dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), iaitu "Meningkatkan Keupayaan Pengetahuan dan Inovasi Negara Serta Memupuk Minda Kelas Pertama". Bagi mencapai teras ini, Kerajaan menggariskan **lima perkara** iaitu memperkukuhkan **modal insan, memanfaatkan sains, teknologi dan inovasi, wanita dan pembangunan, mengupayakan belia untuk masa hadapan** dan **memupuk pembangunan keluarga dan masyarakat.**

PROGRAM ATAU CARA

11 MEI 2011 (RABU)

02.00 - 06.00 petang	-	Pendaftaran Peserta
08.00 malam	-	**UCAP UTAMA DAN PERASMIAN**
	-	Majlis Makan Malam Transformasi Minda

12 MEI 2011 (KHAMIS)

07.00 pagi	-	Sarapan Pagi
08.30 pagi	-	**Sesi 1 : TRANSFORMASI MINDA DAN BUDAYA KERJA (PRINSIP PERDANA - Pantas dan Positif, Empati, Relevan, Daya Saing, Amanah, Adil dan Integriti)** Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Mustafa Ishak Naib Canselor Universiti Utara Malaysia
10.30 pagi	-	Jamuan Ringan
10.45 pagi	-	**Sesi 2 : PENGURUSAN PERUBAHAN** Dr. Hj. Ramli Saad Pengarah Institut Perubatan dan Pergigian Termaju Universiti Sains Malaysia
12.45 tengah hari	-	Makan Tengah Hari
02.30 petang	-	**Sesi 3 : KECERDASAN EMOSI DAN SPIRITUAL (ESQ) DALAM MEMBENTUK PERSONALITI UNGGUL** Dr. Rubiah Kulup Hamzah Pakar Motivasi
05.00 petang	-	Jamuan Ringan
05.30 petang	-	Rehat/Riadah
07.00 malam	-	Jamuan Makan Malam

13 MEI 2011 (JUMAAT)

07.00 pagi	-	Sarapan Pagi
08.30 pagi	-	**Sesi 4 : INTEGRASI DAN HARAPAN** Y.Bhg. Dato' Yeow Chin Keong Pengarah Bahagian Pasca Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam
10.00 pagi	-	Jamuan Ringan
10.30 pagi	-	**Sesi 5 : SISTEM PENYAMPAIAN BERKESAN** En. Abdullah Mohd Said Pendaftar Universiti Malaysia Sabah
12.00 tengah hari	-	Penyampaian Sijil dan Penutup
	-	Makan Tengah Hari